



**PLAN**Malaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

**UCAPAN PERASMIAN OLEH  
TPr DR. ALIAS BIN RAMELI  
KETUA PENGARAH, PLANMALAYSIA**

**sempena**

**MESYUARAT AGUNG TAHUN KE 17  
MALAYSIAN ASSOCIATION OF SOCIAL IMPACT  
ASSESSMENT (MSIA)**

**11 Jun 2022 (Sabtu) | 8.00 pagi – 2.30 petang  
Matahari 1, Level 3, Bangi Resort Hotel, Off Persiaran Bandar,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

## PENGENALAN

1. PLANMalaysia dari dahulu sehingga kini sentiasa menyokong segala aktiviti dan program yang dianjurkan oleh MSIA dan juga turut menyokong berhubung pelaksanaan SIA di Malaysia.
2. Kunjungan hormat AJK MSIA ke PLANMalaysia pada 23 Mei 2022 yang diketuai oleh TPr. Herlina Abd Aziz President MSIA beserta Dr. G. Balamurugan Timbalan Presiden MSIA, Puan Sri Dr. Jahara Yahaya Ahli Exco MSIA dan Dr. Shahwahid Hj Othman bagi membincangkan beberapa perkara seperti berikut:
  - i. Perkembangan SIA dalam memperkasakan praktis penilaian impak sosial kepada pembuat dasar, bagi program dan projek di Malaysia,
  - ii. Pengiktirafan Secara Professional MSIA di dalam negara; dan
  - iii. Cadangan Jurulatih Program Kompetensi Penyedia dan Penilai SIA.
3. Ketua Pengarah PLANMalaysia telah mewakili Malaysia berkongsi pengalaman dengan para peserta dari seluruh dunia bagi kertas kerja bertajuk *Implementation of SIA for Development Project in Malaysia*, di International Symposium On Social Impact Assessment (SIA) In East Asia And The Pacific yang dianjurkan oleh pihak World Bank pada 7 Jun 2022.

4. Pelaksanaan SIA dilihat sebagai satu mekanisme atau *tools* yang dapat memastikan pembangunan negara dirancang bukan sahaja untuk rakyat tetapi bersama-sama rakyat. Ia adalah selaras dengan Prinsip Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejangat yang memfokuskan hubungan di antara manusia dengan manusia.
5. Adalah menjadi harapan PLANMalaysia agar objektif pembangunan mampan dan komitmen terhadap Sustainable Development Goals (SDGs) dapat dicapai terutamanya SDG11 yang bermatlamat untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia lebih inklusif, selamat, berdaya saing dan mampan.

### **EVOLUSI PELAKSANAAN SIA**

6. Pelaksanaan SIA telah pun dimulakan oleh pihak PLANMalaysia sejak tahun 1990-an lagi; melalui pembentangan kertas kerja berkaitan SIA di platform seperti forum, seminar dan sebagainya.
7. Kemuncak evolusi pelaksanaan SIA ini adalah pada 23 September 2015, iaitu semasa Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bil.3/2015 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan supaya penilaian impak sosial dilaksanakan dalam pembangunan meliputi dasar, program, pelan dan projek pembangunan. PLANMalaysia telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan SIA bagi projek pembangunan, menyediakan pelan tindakan serta pindaan kepada Akta 172.

8. Lanjutan daripada itu, selaras dengan Pelan Tindakan Pelaksanaan SIA, PLANMalaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif-inisiatif di dalam pelaksanaan SIA bagi projek pembangunan. Ini termasuk pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) pada tahun 2017 iaitu Akta A1522 dan penyediaan Manual SIA Edisi Pertama (2012) dan Edisi Kedua (2018).

### **MESYUARAT PANEL PENILAI LAPORAN SIA**

9. Antara perkara yang telah dilaksanakan di PLANMalaysia dari peringkat awal ialah dengan mewujudkan hubungan serta kerjasama melalui penglibatan MSIA sebagai sebahagian daripada ahli panel pakar bagi Mesyuarat Panel Penilai Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia bersama beberapa agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan yang berkaitan serta beberapa ahli pakar lain daripada Malaysia Institute of Planners (MIP) dan ahli akademik untuk membuat pertimbangan berkaitan SIA dalam projek pembangunan.
10. Mesyuarat Panel Penilai Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang pertama adalah pada 30 Ogos 2016 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TPr Dr. Dolbani bin Mijan, Mantan Ketua Pengarah PLANMalaysia Ke-15. Pada ketika itu, dengan mengambilkira cadangan pindaan Akta 172 berkaitan

penyediaan laporan SIA yang masih belum lagi diluluskan oleh Parlimen, satu Jawatankuasa Interim telah dibentuk bagi menilai Laporan SIA.

11. Mesyuarat SIA kali pertama ini telah membincangkan Laporan SIA bagi Cadangan Pembangunan Kawasan Perindustrian Berat (Perak Heavy Industries Park - PHIP), di Bagan Datoh, Mukim Rungkup, Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan untuk Tetuan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Projek ini dikategorikan sebagai SIA Kategori 1 berdasarkan draf Manual SIA Edisi ke-2, yang mana ianya melibatkan infrastruktur utama berkepentingan negara iaitu pelabuhan laut.
12. Untuk rekod di Malaysia, sebanyak **104 Laporan SIA** telah diproses. PLANMalaysia@Ibu Pejabat telah mempertimbangkan sebanyak **18 Laporan SIA bagi Kategori 1 dan 22 Laporan SIA bagi Kategori 2**. Manakala PLANMalaysia@Negeri pula, telah mempertimbangkan sebanyak 64 Laporan SIA bagi Kategori 3 (Selangor (56), Pulau Pinang (4), Negeri Sembilan (2), Perak (1) dan Terengganu (1)).

### **CABARAN SIA DI MALAYSIA**

13. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan seluruh ekonomi global tergendala serta menuntut suatu **langkah pemulihan untuk kita bangkit semula (*bounce back*)**. Walaupun kita kini bergerak ke fasa endemik mulai 1 April 2022, wabak pandemik yang jelas memberi kesan kepada agenda ekonomi global telah

membuktikan bahawa sektor perancangan sangat berkait rapat dengan musibah yang melanda khususnya **elemen berkaitan *urban resilience* (daya ketahanan perbandaran)** iaitu aspek perumahan dan ruang awam wajar dijadikan keutamaan. Keadaan ini juga merupakan peluang untuk satu situasi “**The Great Reset**” iaitu melalui perancangan semua inisiatif – inisiatif mengikut keutamaan untuk dilaksanakan.

14. Salah satu daripada cabaran yang melibatkan sosial, ketika pandemik COVID-19 khususnya adalah berkaitan isu penginapan pekerja yang mana melibatkan pekerja kilang di mana PLANMalaysia pada ketika ini telah memainkan peranan dalam menyediakan Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labour Quarters-CLQ). GPP CLQ ini telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-76 pada 13 Julai 2021.
15. Sehubungan itu, penyelarasan GPP CLQ dan tindakan langkah-langkah mitigasi di dalam Laporan SIA adalah sebagai kaedah terbaik untuk tempoh jangka masa panjang bagi membolehkan pekerja asing atau tempatan ditempatkan di dalam sesuatu kawasan secara terancang dan diuruskan dengan teratur dan sistematik. Kaedah ini dapat mengatasi penempatan pekerja asing secara berselerak yang menggunakan premis kediaman sedia ada atau di ‘rumah kongsi’ yang tidak kondusif dan menyebabkan penularan penyakit berjangkit serta masalah sosial yang lain.

16. Tragedi banjir besar yang berlaku pada 21 Disember 2021 yang lepas telah memberi kesan yang besar kepada tahap keselamatan dan kawasan petempatan di 50 daerah di Malaysia, yang mana Jabatan Perangkaan Malaysia telah menafsirkan kerugian kira – kira RM 50 billion. Pelbagai pihak telah menyalurkan pandangan melalui media bahawa perancangan bandar di Malaysia masih kurang efisien dan tidak *climate proof* untuk menangani isu banjir.
17. Senario dan agenda global dan negara ini memberi gambaran dan menjelaskan bahawa sektor perancangan amat terkait dengan fenomena yang berlaku yang menuntut untuk kita bersedia menerima perubahan serta dapat bertindak pantas, tuntas dan tangkas bagi memacu perancangan fizikal dan pembangunan negara melalui 'beyond the conventional approach'.
18. Dalam mendepani situasi perubahan yang berlaku ini, beberapa tanggungjawab baharu perlu digalas oleh semua pihak bagi memastikan **perancangan dan pengurusan corak pembangunan guna tanah negara dapat dilaksanakan secara mampan**. Harapan saya agar penyediaan Laporan SIA yang disediakan perunding SIA dengan latar belakang projek yang jelas, penentuan pembedangan (*scoping*), pematuhan dasar, *Zone of Influence* (ZOI), penentuan data asas, kajian penentuan data asas (*baseline study*), jangkaan impak, pengenalpastian mitigasi dan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) sedikit sebanyak mampu membantu menangani isu seperti perubahan

iklim, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar. Elemen keselamatan dan kesejahteraan penduduk merupakan kunci utama agar Laporan SIA yang disediakan lebih signifikan dari segi 'mitigation and adaptation'.

19. Untuk mencapai semua di atas, saya amat mengharapkan kerjasama dan muafakat daripada semua ahli MSIA yang saya hormati untuk **tidak lagi menjalankan tugas secara *business as usual***, tetapi sama – sama komited dan berfikir ke arah mencapai keberkesanan hala tuju SIA di negara ini.

### **MALAYSIA BERDAYA HUNI (LIVEABLE MALAYSIA)**

20. PLANMalaysia sedang dalam usaha mendapatkan aspirasi dan suara rakyat bagi membangunkan Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) yang mendalami enam (6) fokus Malaysia Berdaya Huni iaitu:

- (i) Fokus Pertama – Memastikan penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti.
- (ii) Fokus Kedua – Mengarus perdana pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (iii) Fokus Ketiga – Memperkasa pembangunan komuniti bandar;



- (iv) Fokus Keempat – Mempertingkatkan kesiapsagaan kebombaam dan penyelamatan;
- (v) Fokus Kelima – Mengutamakan kemampaan bandar, pembangunan dan daya tahan Bandar Hijau; dan
- (vi) Fokus Keenam – Mentransformasi pengurusan sisa pepejal ke arah pembangunan ekonomi kitaran.

21. iDAM sebagai 'the Grand Agenda KPKT' dan sudah tentunya menjadi 'big move to PLANMalaysia' merupakan kaedah pengukuran berimpak tinggi yang akan mengukur tahap kesejahteraan penduduk di peringkat bandar dan komuniti (termasuk semua lokaliti). Kriteria-kriteria yang digariskan dalam RFN Ke-4 akan menjadi asas kepada sistem penilaian dan pengukuran kesejahteraan dan kemampaan bandar, yang mana 'ultimate aim'nya adalah untuk membantu kerajaan dalam memberi gambaran terkini terhadap tahap kesejahteraan, taraf hidup dan daya huni rakyat.
22. Justeru, adalah menjadi harapan supaya MSIA dapat menyokong dan memberi kerjasama secara holistik kepada PLANMalaysia dalam menjayakan agenda negara ini (iDAM), dengan memberi input kepada PLANMalaysia berkenaan aspirasi untuk menjadikan Malaysia Negara Berdaya Huni.

## **HALA TUJU PELAKSANAAN SIA**

23. Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan (Edisi Ke-2) yang diterbitkan oleh PLANMalaysia pada tahun 2018 telah menjadi panduan yang digunakan oleh penggerak projek dan perunding SIA di dalam penyediaan Laporan SIA. Walau bagaimanapun, Manual ini perlu ditambahbaik dan diperincikan dengan mengambil kira isu-isu yang telah dikenal pasti sepanjang Manual ini digunakan.
24. Sehubungan itu, Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) telah disediakan pada tahun 2021 untuk menggantikan Manual terdahulu. PPSIA ini akan menjadi sumber rujukan yang baharu kepada penggerak projek, perunding SIA dan semua pihak yang terlibat dalam penyediaan, pertimbangan dan pemantauan laporan SIA.

## **PROGRAM KOMPETENSI**

25. Sehingga kini, masih tiada peruntukan undang-undang secara khusus berkenaan dengan penyediaan Daftar Perunding yang memberi punca kuasa dan menetapkan “orang yang layak” menyediakan Laporan SIA.
26. Umumnya, Laporan SIA boleh disediakan oleh profesional yang mempunyai kemahiran dalam rundingan komuniti dan

mempunyai pengetahuan tinggi berkenaan proses cadangan projek pembangunan dan kajian penilaian impak. Ini termasuk perunding yang telah berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) dan Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA).

27. Memandangkan perunding yang menyediakan Laporan SIA daripada pelbagai bidang profesional, maka PLANMalaysia telah menjalankan inisiatif dengan merangka satu “**Kursus Kompetensi SIA**” bagi tujuan meningkatkan standard profesionalisme perunding dan panel penilai SIA berdasarkan kelayakan yang ditentukan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan kajian SIA. Perunding yang berjaya melengkapkan kursus kompetensi ini akan didaftarkan sebagai Penilai dan Penyedia Laporan SIA Berdaftar.
28. PLANMalaysia telahpun berjaya mengadakan Program Kompetensi dan Diskusi Pelaksanaan SIA bagi projek pembangunan untuk kumpulan pertama (Pioneer) pada 12 Mei 2022 melibatkan Pengurusan Tertinggi PLANMalaysia; Mantan-Mantan Ketua Pengarah PLANMalaysia; Presiden dan wakil Malaysian Institute of Planners (MIP); Presiden dan wakil Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA); Pengarah-pengarah PLANMalaysia Negeri; Pengarah-pengarah Bahagian PLANMalaysia; dan pakar akademik.
29. Lanjutan daripada itu, pelaksanaan skim pendaftaran perunding SIA turut dicadangkan untuk diwujudkan di peringkat

PLANMalaysia@Ibu Pejabat menjelang tahun 2024; di mana semua perunding yang didaftarkan perlu mengikuti dan lulus kursus kompetensi anjuran PLANMalaysia@Ibu Pejabat. Kredit 'Continuous Professional Development (CPD)' juga dicadangkan dibentuk bagi menilai tahap kompetensi dan ia dijadikan kriteria pembaharuan sijil keahlian perunding SIA.

30. Senario terkini ialah kita menghadapi isu jurang/gap kepakaran SIA yang luas yang perlu ditangani. Kompetensi diri boleh dipertingkatkan dengan sikap sentiasa ingin belajar dan mendalami ilmu yang baharu melalui pembacaan dan pengalaman orang yang terdahulu. Justeru, peruntukkan masa untuk membaca buku-buku berkaitan perlu diberikan bagi mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang ini. Dalam bidang SIA sebuah buku yang baik dan masih menjadi rujukan ialah yang diterbitkan oleh MSIA pada tahun 2008 iaitu "Social Impact Assessment In Malaysia". Melalui pembacaan kita lebih memahami dan menghayati latar belakang, falsafah dan pelbagai aspek fundamental SIA sebagai panduan merangka mekanisma terbaik pelaksanaannya dari masa ke semasa.

## **PENUTUP**

31. PLANMalaysia melihat MSIA dapat menjadi landasan terbaik untuk menyatukan idea dan meramaikan profesional dalam melaksanakan SIA. Melihat kepada potensi yang ada, PLANMalaysia bersedia untuk bekerjasama dan memberi

komitmen terhadap program-program MSIA dalam memperkukuhkan hala tuju pelaksanaan SIA di Malaysia.

32. MSIA telah secara berterusan menjadikan pelaksanaan SIA sebagai sebahagian daripada "value-added" di dalam perancangan projek iaitu proses SIA sebagai "projek planning tool" kepada penggerak projek. Laporan SIA juga berperanan sebagai "decision-making tool" bagi pihak kerajaan dalam membuat penilaian/kelulusan perancangan. PLANMalaysia komited untuk membuat kolaborasi dan berkongsi pandangan dengan pelbagai pihak termasuk PBT, agensi teknikal, dan pihak berkepentingan lain bagi memastikan SIA sentiasa relevan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

*"The world is not short of adversities, ranging from climate change to global humanitarian crises. Ensuring the health and resilience of the triple bottom line of prosperity, people, and planet should become a non-negotiable top priority for all to achieve greater sustainability."*

*Sumber : International Association for Impact Assessment (IAIA)*